



PENGURUS Sokongan Operasi Jabatan Pemasaran *Utusan Malaysia*, Idris Asaran (kanan) menyampaikan hadiah kepada pemenang Roda Bertuah E-Paper *Utusan Malaysia* sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM di Serdang, semalam.

Peluang akses *e-paper Utusan Malaysia* selama 30 hari sempena konvokesyen

SERDANG 28 Okt. - Gerai Kumpulan Utusan di Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) 2013 di sini, menampilkan kelainan dengan penyertaan produk baharu iaitu *e-paper Utusan Malaysia*.

Penolong Pengurus Perancangan dan Saluran Baharu, Jabatan Pemasaran *Utusan Malaysia*, Mohammad Asra Adlan Mohamed Asri berkata, para pengunjung berpeluang mendapatkan akses percubaan *e-paper* itu selama 30 hari termasuk langganan dengan harga diskau se-

banyak 50 peratus.

"Tawaran eksklusif ini terbuka kepada semua pengunjung ekspo. Selain itu, permainan roda bertuah turut diadakan di gerai kami dengan hadiah-hadiah menarik ditawarkan kepada orang ramai yang melanggang *e-paper*.

"Antara hadiah tersebut adalah langganan secara percuma *e-paper* selama enam bulan bernilai RM100," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut beliau, gerai tersebut

yang dibuka sejak 25 Oktober lalu sehingga 30 Oktober ini turut menawarkan pelbagai aktiviti seperti jualan buku terbitan Utusan Publications & Distributors (UP&D), mini studio penghias wajah, program wakaf sejuta al-Quran, jualan majalah-majalah serta akhbar terbitan Kumpulan Utusan.

"Dengan setiap pembelian semua produk Kumpulan Utusan bernilai RM5 pengunjung berpeluang menyertai cabutan bertuah sebanyak dua cabutan," katanya.